

20/07/1998

Intan kaji langkah atasi kerenah birokrasi

PETALING JAYA, Ahad - Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) sedang menjalankan kajian untuk mengatasi krisis pengurusan atau kerenah birokrasi sebagai usaha membantu kelancaran pemulihan dan pembangunan ekonomi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata kajian itu diharap dapat memendekkan tempoh memproses sesuatu permohonan dan mengurangkan masalah birokrasi.

Menurutnya, keputusan kajian itu akan diserahkan kepada Ketua Setiausaha Negara untuk dijadikan satu model yang berkesan bagi mengatasi krisis pengurusan.

Sehubungan itu, beliau berharap semua kerajaan negeri dapat mewujudkan pusat sehenti yang menguruskan segala bentuk permohonan secara serentak dan kelulusan sesuatu permohonan dapat dipercepatkan.

"Sudah tiba masanya kakitangan perkhidmatan awam menghapuskan kerenah birokrasi, sebaliknya bersikap proaktif dalam usaha mempercepatkan segala prosedur pentadbiran.

"Apa yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan semata-mata untuk membantu memulihkan segera ekonomi negara," katanya selepas melancarkan Program Fastrack Profesional Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) di Kompleks Jemaah Haji Kelana Jaya di sini, hari ini.

Dr Shafie berkata, Intan turut menjalankan kajian harian bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan jabatan dan sektor kerajaan terutama yang berurusan dengan orang ramai.

Beliau berkata, Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) di Selangor, misalnya berfungsi sebagai pusat sehenti dan langkah itu didapati dapat membantu melicinkan dan mempercepatkan urusan.

Program Fastrack Profesional YBK diwujudkan bagi membantu pelajar lepasan SPM daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah melanjutkan pelajaran ke peringkat sijil dan diploma.

(END)